

ALAM SEKITAR terus berada pada tangga teratas dalam carta perbualan umum dan paparan media. Hampir semua akhbar utama menyiarkan rencana mengenai topik ini setiap hari.

Pada muka editorial (muka 8) Berita Harian 3 Mei lalu, ruangan Bersama Rejal Arbee diisi dengan rencana utama bertajuk: 'Pusat lupus sampah patut diubah suai: Sistem terbaik dengan teknologi mesra alam dapat elak pencemaran'.

Di bawah rencana itu disiarkan pula tulisan Prof Dr Zaini Ujang dalam ruangan Minda Lestari bertajuk 'Penswastaan pengurusan sisa perlu diperbaiki'. Kedua-duanya membicarakan isu alam sekitar dan ini membuktikan topik berkenaan terus hangat dalam pemikiran masyarakat.

Pada 3 Mei juga, sebuah akhbar berbahasa Inggeris menyiarkan tulisan Stanley Teoh Boo Siew di bawah tajuk: 'Change habits to create better environment'. Penulis ini nampaknya lebih kritis terhadap sikap manusia terhadap alam sekitar.

Beliau bertanya apakah perbezaan antara pusat pembuangan terbuka (*dump site*) dan pusat pelupusan tertutup (*sanitary landfill*)?

Baginya, kedua-dua pusat itu tidak banyak beza kerana ia tidak menjurus ke arah pokok persoalan sebenar iaitu sampah-sarap bertimbun terhasil daripada sikap buruk orang ramai yang suka membuang sampah tanpa mengira tempat, perancangan kurang tepat oleh petugas yang diamanahkan untuk menjaga kebersihan alam sekitar.

Satu lagi punca terpenting menyebabkan pencemaran alam, menurut beliau ialah tabiat orang ramai yang 'tidak menghormati' alam sekitar.

Tabiat ini menyebabkan manusia tidak menghargai alam ciptaan Ilahi yang menjadikan alam ini sebagai tempat mereka menjalani kehidu-

BENCANA TAK HORMAT ALAM SEKITAR

Akibatnya
 mungkin
 lebih buruk
 daripada
 jangkaan
 manusia

pan. Bayangkan, apa akan jadi pada rumah kita jika setiap hari siang dan malam kita timbunkan segala jenis kotoran tanpa mempedulikan kebersihannya?

Sudah tentu tabiat buruk itu bukan saja akan merosakkan kawasan serta rumah tetapi keluarga kita juga akan dilanda pelbagai jenis penyakit kerana perbuatan membiarkan kotoran di dalam dan di sekeliling rumah sama seperti 'menternak' atau 'membiakkan' pelbagai penyakit kepada diri dan keluarga.

Inilah yang dimaksudkan sikap tidak menghormati alam sekitar. Kalau kita tidak menghormati alam sekitar, apakah balasan yang akan diberikannya kepada kita? Sudah tentu akibatnya melampaui jangkauan fikiran manusia.

Puluhan atau ratusan tahun lalu, tiada manusia pernah terfikir bumi ini akan dilanda ombak besar atau tsunami. Dulu kita ingat ombak besar cuma + wujud di samudera luas, bukan di daratan. Tetapi hanya seta-

hun dua lalu, kita saksikan di televisyen atau menyaksikan realitinya dengan mata kepala sendiri bagaimana ombak besar menerjah dari lautan dan memusnahkan apa yang ada di daratan.

Ribuan nyawa dan harta benda musnah sekelip mata. Segalanya hancur dalam masa terlalu singkat dan tidak pernah terfikir sebelum ini.

Demikian kesan dan akibatnya apabila manusia tidak menghormati alam sekitar. Kalau peristiwa sebegini dahsyat belum mencukupi untuk mengajar kita, sebaliknya manusia terus angkuh, tamak dan lalai dengan sikap tidak menghormati alam sekeliling, asyik leka mencampakkan pelbagai sampah di merata tempat hingga sungai menjadi cetek, menarah dan menggondolkan

bukit bukau, kita pasti suatu hari nanti akan diperlihatkan dengan balasan sikap 'tidak hormat' yang lebih hebat tanpa dimaklumkan terlebih dahulu.

Satu aspek yang disentuh penulis berkenaan bagi mengelak bala kemudaratan alam sekitar ialah mengenai kepentingan program kitar semula. Dengan kepakaran teknologi terkini, sampah-sarap boleh dikitar semula.

Sebagai contoh, di negara kita sudah wujud sebuah pusat pelupusan sampah berkonsepkan kitar semula yang dibina di Semenying, Selangor dan dijadualkan beroperasi pertengahan tahun ini.

Di pusat itu, sampah-sarap dikelolakan secara sistemik hingga menjadi debu dan ia ditanam di kawasan tertentu. Kawasan tanaman sampah itu pula boleh menghasilkan sejenis gas untuk pelbagai ke-



PENCEMARAN...air dari tapak pelupusan sampah mengalir ke sungai menyebabkan sumber air kita tercemar.

gunaan.

Sementara itu, air larut resap (air kotor) dari sampah berkenaan diproses menjadi air bersih dan boleh digunakan untuk pelbagai tujuan.

Bagaimanapun, setakat ini pusat pelupusan sampah berteknologi tinggi itu baru ada sebuah dan kos pembinaannya menelan belanja kira-kira RM120 juta.

Selain itu, ia masih pada peringkat percubaan. Sekiranya semua negeri mempunyai sekurang-kurangnya sebuah pusat pelupusan sampah seumpama itu, harapan untuk melihat masalah pelupusan sampah diselesaikan secara sistemik akan menjadi lebih cerah.

Secara umum, kata penulis itu lagi, orang ramai masih bersikap acuh tidak acuh terhadap masalah pencemaran alam sekitar. Justeru, setiap rakyat harus mendisiplinkan diri untuk menjamin kelestarian alam sekitar.